



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN	MUKA SURAT	: 45
TARIKH	: 28/12/2019		
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

# Pindah pangkalan selamatkan rumah

Nelayan terpaksa berkorban akibat kediaman mereka diancam ombak

Oleh Hassan Omar  
bhnews@bh.com.my

**Alor Gajah:** Sekumpulan nelayan sanggup memindahkan struktur pangkalan demi menyelamatkan kediaman di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, di sini, daripada musnah dilanda ombak besar dan hakisan pantai.

Inilah pengorbanan terpaksa dilakukan mereka apabila kediaman mereka diancam ombak besar dan hakisan pantai. Mereka terpaksa memindahkan pangkalan nelayan kira-kira 50 meter di belakang kediaman masing-masing ke pangkalan baharu, kira-kira 300 meter dari lokasi asal bagi membolehkan tembok penahan ombak dibina dua minggu lalu.

Roslan Daud, 67, berkata dia ter-



**Biarlah saya terpaksa**

**berjalan agak jauh untuk mendapatkan perahu dan peralatan menangkap ikan di pangkalan baharu asalkan rumah kami tetap berdiri teguh.**

Azlan Idris,  
Nelayan



**Pembinaan tembok penahan ombak bernilai hampir RM4,00,000 di pantai Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara.**  
(Foto Hassan Omar/BH)

paksa memindahkan pangkalan nelayannya bagi membolehkan jentera pengatur kontraktor masuk untuk membina tembok penahan ombak melalui konsep batu lapis lindung yang ditetapkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Selak empat bulan lalu kami bimbang rumah kami akan roboh dilanda ombak besar dan hakisan pantai, tetapi alhamdulillah, kerajaan negeri mendengar rintihan kami dan memberikan peruntukan segera bagi membina tembok penahan ombak.

"Saya terpaksa memindahkan pangkalan nelayan ke lokasi jauh

dari rumah berbanding pangkalan nelayan yang hanya kira-kira 50 meter di belakang rumah sebelum ini kerana apabila siap, tembok itu akan menghalang perahu ditolak ke laut," katanya ketika ditemui, semalam.

Azlan Idris, 58, berkata dia tidak menghadapi masalah untuk memindahkan pangkalan nelayan di belakang kediamannya ke pangkalan baharu asalkan kediamannya mampu diselamatkan, sekaligus menjaga keselamatan keluarganya daripada bahaya rumah roboh akibat ombak besar dan hakisan pantai.

"Biarlah saya terpaksa berjalan

agak jauh untuk mendapatkan perahu dan peralatan menangkap ikan di pangkalan baharu asalkan rumah kami tetap berdiri teguh dan kami masih mampu meneruskan kehidupan," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPS Melaka, Abdul Hakim Hamzah berkata, projek berkenaan dilaksanakan melalui sebut harga RM396,660 dengan tempoh menyatakannya selama empat minggu.

Katanya, panjang tembok itu ialah 115 meter dan tidak melibatkan kerja membina benteng pemecah ombak atau yang mengangur dari pantai ke dalam laut.